

LHDN cadang perkenal pendidikan percukaian di peringkat sekolah

UM 29 OCT 2002

PUTRAJAYA 28 Okt. — Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) bercadang memperkenalkan pendidikan percukaian di peringkat sekolah bagi memberi pendedahan awal kepada para pelajar tentang sistem percukaian di negara ini.

Ketua Eksekutifnya, Datuk Zainol Abidin Abd. Rashid berkata, pendidikan itu akan memberi kesedaran kepada para pelajar bahawa membayar cukai adalah satu tanggungjawab sosial dan negara.

Beliau menambah, pihaknya sedang membincangkan perkara itu dan memerlukan kajian secara menyeluruh sebelum dikemukakan kepada Kementerian Pendidikan.

“Pendedahan tersebut perlu dipupuk dari awal agar

menjadi seorang warganegara yang bertanggungjawab dan bersyukur kerana menikmati kehidupan yang selesa dari hasil sistem percukaian ketika ini,” katanya.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita selepas Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Mengarang Esei Antara Sekolah-Sekolah oleh Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Chan Kong Choy di Kementerian Kewangan di sini hari ini.

Pertandingan itu dibahagikan kepada tiga kategori iaitu peringkat sekolah menengah bagi pelajar tingkatan enam, kategori pelajar tingkatan empat dan lima manakala kategori sekolah rendah untuk murid darjah empat, lima dan enam.

Seramai 27 peserta terpi-

lih pada pertandingan tersebut dengan enam murid dari kategori tersebut memenangi hadiah utama berupa wang tunai dan komputer peribadi.

Dalam pada itu, Kong Choy dalam ucapannya berkata, pertandingan itu merupakan satu langkah yang proaktif dalam memberi pendedahan dan kesedaran dalam sistem percukaian kepada pelajar sekolah.

Pada akhir majlis tersebut, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad muncul dan bergambar bersama para peserta di hadapan bangunan Kementerian Kewangan.

Dr. Mahathir yang juga Menteri Kewangan turut meluangkan masa beramah mesra dengan para peserta.